

RESOLUSI

**DARIPADA
PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA (PBPM)
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

KAMI (PBPM) MENGUSULKAN SUPAYA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) MENKKAJI SERTA MENGUJUDKAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI MENJADI CALON PILIHANRAYA UNTUK DEWAN UNDANG NEGERI (DUN) DAN DEWAN RAKYAT (DR).

SYARAT-SYARAT SEPERTI BERIKUT :-

1. SETIAP CALON HANYA DIBENARKAN BERTANDING DI NEGERI KELAHIRAN CALON SAHAJA.
2. SETIAP CALON DIBENARKAN HANYA BERTANDING SATU PERCALONAN SAHAJA SAMA ADA DI (DUN) ATAU (DR).
3. SETIAP CALON DIWAJIBKAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN KESIHATAN (MEDICAL CHECKUP) DI HOSPITAL KERAJAAN SAHAJA, SEPERTI MANA YANG DIWAJIBKAN KEPADA SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN SEBELUM MEREKA DITERIMA BEKERJA. LAPORAN BERKENAAN MESTI DISERAHKAN SEMASA PENCALONAN. JIKA CALON BERKENAAN SIHAT BOLEH DIBENARKAN BERTANDING JIKA TIDAK SIHAT PENCALONAN BERKENAAN MESTILAH DITOLAK.

4. CALON MESTILAH MEMBUAT IKRAR PENGISTIHARAN HARTA DIRI SENDIRI, ISTERI/SUAMI SERTA ANAK-ANAK SECARA BERSUMPAH. DOKUMEN IKRAR BERKENAAN MESTI DISERAHKAN KEPADA SPR SEMASA HARI PENAMAAN CALON.
5. BANDUAN ATAU BEKAS BANDUAN YANG DIHUKUM SEMINGGU PENJARA ATAU DENDA MELEBIHI RM 1,000 KE ATAS SAMA ADA KES CIVIL ATAU JENAYAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI BERTANDING DI (DUN) ATAU (DR).
6. AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN) ATAU AHLI DEWAN RAKYAT (ADR) DIWAJIBKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN (DUN) ATAU (DR). KEHADIRAN MEREKA MESTILAH 60 PERATUS SEMASA DEWAN BERKENAAN BERSIDANG. BAGI MENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DIKECUALIKAN JIKA ADA TUGAS RASMI SAHAJA. JIKA MELANGGAR ARAHAN INI MEREKA TIDAK DIBAYARKAN ELAUN BULANAN SELAMA DUA BULAN KECUALI JIKA MEREKA DIRAWAT DALAM HOSPITAL KERAJAAN SAHAJA.
7. SEMUA (ADUN) DAN (ADR) TIDAK DIBENARKAN BEKERJA ATAU BERNIAGA. MEREKA MESTILAH MENGIKUT SYARAT-SYARAT SEPERTI MANA YANG DIWAJIBKAN KEPADA MENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI.

ULASAN

- A. USUL INI DICADANGKAN KERANA WAKIL RAKYAT (DUN) ATAU (DR) MESTILAH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT YANG MEMILIH MEREKA.

- B. RUJUK PARA 2, PERKARA INI DIUSULKAN BAGI MEMBERI RUANG KEPADA CALON-CALON LAIN UNTUK BERTANDING. JIKA SESEORANG CALON DIBENARKAN BERTANDING DI (DUN) DAN (DR), CALON BERKENAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MELAKSANAKAN TUGASNYA SEBAGAI WAKIL RAKYAT DENGAN BERKESAN.

- C. RUJUK PARA 3, PERKARA INI MESTILAH DILAKSANAKAN KERANA RAKYAT MERASA TIDAK ADIL KERANA PEKERJA KERAJAAN DARI TUKANG KEBUN HINGGA KE ATAS DIWAJIBKAN MEMBUAT PEMERIKSAAN KESIHATAN SEBELUM DIBENARKAN BERTUGAS. JIKA ADA (ADUN) ATAU (ADR) YANG SAKIT INI DIPILIH IANYA AKAN MERUGIKAN WANG RAKYAT KERANA DIGUNAKAN UNTUK MEMBIAYAI WAKIL RAKYAT YANG BERPENYAKIT.

- D. RUJUK PARA 4, CADANGAN INI AMAT BAIK KERANA RAKYAT AKAN MENGETAHUI TENTANG KEDUDUKAN KEWANGAN WAKIL RAKYAT BERKENAAN DAN AKAN MENGELAKKAN WAKIL RAKYAT BERKENAAN TERLIBAT DALAM SALAHGUNA KUASA ATAU RASUAH.

- E. RUJUK PERKARA 5, CADANGAN INI AMAT BAIK KERANA SEMUA WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH BUKANNYA TERDIRI DARIPADA BANDUAN ATAU BEKAS BANDUAN.
- F. RUJUK PERKARA 6, CADANGAN INI ADALAH BAGI MENGELAKKAN WAKIL RAKYAT PONTENG KEHADIRAN MESYUARAT YANG MANA SERING KALI MESYUARAT TIDAK CUKUP KORUM. JIKA TIDAK DILAKSANAKAN RAKYAT AKAN RUGI KERANA WAKIL RAKYAT HANYA SATU PENGGAL SAHAJA SUDAH DIBAYARKAN WANG SARAAAN TETAPI PEKERJA KERAJAAN MESTI BERKHIDMAT SELAMA 25 TAHUN KE ATAS BARU MEMPEROLEHI WANG PERSARAAN.

DICADANGKAN OLEH



ABDUL MOHAMED BIN MD GANI, KMN, BPP, PPN

KETUA CAWANGAN

PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA

DANG WANGI, W.P KUALA LUMPUR

019-2242262

01 November, 2011 17:52 PM

PSC Dapatkan Input Dari SPR Mengenai Cadangan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) Rabu mendapatkan input berhubung pelbagai isu berkenaan penambahbaikan sistem pilihan raya negara daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pengerusi PSC Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata dalam mesyuarat dua setengah jam itu, SPR yang diketuai pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof ditanya pelbagai persoalan mengenai pilihan raya oleh ahli-ahli jawatankuasa.

"Pelbagai isu mengenai pilihan raya juga telah dibincangkan termasuk juga ada cadangan membuat pindaan kepada peraturan tertentu seperti dalam sistem penamaan calon dan berkempen," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ketiga jawatankuasa itu di Parlimen di sini, Rabu.

Ongkili yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata SPR juga bersetuju bahawa masih ada ruang untuk menambah baik sistem pilihan raya yang sedia ada dan mempunyai cadangan tertentu untuk tujuan itu.

"SPR begitu terbuka sekali untuk memberi keterangan yang diminta oleh anggota-anggota PSC kerana mereka juga begitu komited untuk memastikan sistem pilihan raya di negara ini merupakan sistem berintegriti dan terbuka untuk memuaskan majoriti rakyat Malaysia," katanya.

Ini merupakan mesyuarat ketiga jawatankuasa itu sejak ia ditubuhkan bulan lepas.

Ongkili berkata jawatankuasa itu akan membuat resolusi Khamis depan selepas mengadakan pertemuan semula dengan SPR, yang turut disertai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Kita akan mesyuarat lagi pada 10 Nov kerana masih ada satu tajuk di bawah SPR yang perlu dibincang bersama JPN seperti soal penambahbaikan daftar pemilih dan soal kelayakan.

"JPN dan SPR akan hadir bersama untuk menjawab," katanya.

-- BERNAMA

PSC bagi proses pilihan raya adakan sesi pendengaran awam

Bernama

RABU, 12 Oktober, 2011: Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya akan mengadakan sesi pendengaran awam pertama di Parlimen pada 11 dan 12 November ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata, jawatankuasa itu juga memutuskan lima lokasi lain bagi mengadakan sesi itu.

Lokasi-lokasi itu ialah di Kompleks Persekutuan Sabah, di Kota Kinabalu, Sabah (25 dan 26 November) dan di Wisma Bapa Malaysia, Petrajaya, di Kuching, Sarawak (8 dan 9 Disember).

Tiga lagi lokasi ialah Dewan Sri Pinang, Lebuh Light di Pulau Pinang (15 dan 16 Disember), Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim, di Kota Bharu, Kelantan (7 dan 8 Januari 2012) dan Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ismail, di Johor Bharu, Johor (12 dan 13 Januari 2012).

"Setiap rakyat Malaysia dan persatuan berdaftar boleh menghantar cadangan masing-masing kepada jawatankuasa ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di bangunan Parlimen, hari ini.

Maximus yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, sesi pendengaran awam bertujuan mendapatkan cadangan dan maklum balas daripada orang ramai berhubung penambahbaikan sistem pilihan raya di negara ini.

APENGERUSI Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung penambahbaikan proses pilihan raya, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili (kanan) tersenyum melihat gelagat Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad yang berseloroh